

BAB KETIGA

**AMALAN PEMBAYARAN
ZAKAT PADI DI DAERAH
PENDANG, KEDAH**

BAB KETIGA

AMALAN PEMBAYARAN ZAKAT PADI DI DAERAH PENDANG, KEDAH

3.1 PENDAHULUAN

Melalui perbahasan dalam Bab Kedua yang lalu, didapati bahawa perolehan kutipan zakat oleh Pejabat Zakat Daerah belum mencapai jumlah perolehan yang boleh dibanggakan jika dibandingkan dengan jumlah keluasan sawah yang diusahakan. Persoalannya, mengapakah timbulnya keadaan sedemikian dan apakah puncanya? Gambaran umum menjelaskan bahawa ianya mungkin berpunca daripada amalan pembayaran zakat itu sendiri. Justeru dalam bab ini, penulis akan menggarap persoalan ini untuk menjelaskan apakah amalan pembayaran itu merupakan natijah kepada berlakunya keadaan sedemikian.

3.2 AMALAN PENGURUSAN HASIL PADI

Tidak dinafikan bahawa sejajar dengan arus kemodenan zaman teknologi terkini, bidang pertanian tidak terlepas daripada mengalami perubahan dari semasa ke semasa. Demikianlah juga halnya dengan penanaman padi. Amalan penanaman padi juga telah berubah dari semasa ke semasa bermula daripada benih padi disemai hingga hasil tanaman itu dinikmati. Tumpuan penulis dalam perbincangan ini adalah secara ringkas sahaja dengan tujuan untuk melihat perkembangan semasa amalan penanaman padi di daerah Pendang, Kedah.

Penggunaan tenaga manusia adalah merupakan agen penting dalam kegiatan penanaman padi sebelum era lapan puluhan. Bermula daripada benih padi disemai hingga hasil padi dituai. Secara ringkasnya, sawah dibajak dengan menggunakan kerbau dan padi itu diketam atau dituai dengan sabit. Bagi padi yang disabit akan dibanting dan padi yang diketam pula, dianyak-anyak dengan kaki untuk memisahkan padi daripada tangkai. Seterusnya, padi itu dikeringkan sebelum diisi ke dalam guni. Setelah itu, barulah padi itu akan disimpan atau dijual. Ketika itu, para petani lebih cenderung untuk menyimpan hasil padi bagi kegunaan makanan sehari-hari keluarga daripada menjualnya. Namun begitu, ada juga petani yang menjualnya untuk mendapatkan wang belanja bagi membeli keperluan sehari-hari yang lain.¹

Bermula pada era lapan puluhan, penggunaan teknologi moden mula digunakan dalam pengurusan tanaman padi. Apa yang ketara, proses membajak dan menuai keseluruhannya menggunakan jentera dan tidak lagi dengan menggunakan kaedah tradisional. Penggunaan jentera adalah lebih praktikal dan menjimatkan masa serta tenaga petani. Hasil padi itu kemudiannya dijual atau disimpan. Ketika ini, petani lebih kepada menjual hasil tanaman tersebut daripada menyimpannya. Jika ada yang disimpan hanyalah untuk dijadikan padi benih sahaja bagi musim penanaman yang berikutnya.²

Namun begitu, bermula pada tahun sembilan puluhan, masyarakat petani telah diperkenalkan dengan suatu sistem baru iaitu hasil padi yang dituai dengan menggunakan jentuai itu tidak lagi diisikan ke dalam guni sebagaimana

sebelumnya. Sebaliknya, padi itu terus dimasukkan ke dalam lori dan terus dibawa ke tempat jualan padi di agensi-agensi pembeli padi seperti Beras Nasional (BERNAS) dan juga agensi-agensi swasta yang lain. Sistem ini lebih dikenali di kalangan masyarakat dengan nama “sistem pukal”.³

Penulis tidak berhasrat untuk menghuraikan secara panjang lebar berkenaan dengan pengurusan tanaman padi ini. Apa yang nyata di sini, amalan pengurusan tanaman padi telah berkembang maju dan para petani tidak lagi perlu mengeluarkan tenaga yang banyak. Ia juga tidak memakan masa yang panjang. Hasil yang diperolehi juga boleh dipertingkatkan dengan penggunaan teknologi yang moden ini.

Begitu juga jika diteliti di sini, para petani tidak lagi menyimpan padi untuk dimakan olehnya sekeluarga. Semua hasil padi itu dijual untuk mendapatkan wang bagi keperluan seharian. Apa yang menarik perhatian penulis ialah, padi hasil titik peluh sendiri tidak digunakan untuk makanan seharian, tetapi sebaliknya, wang ringgit hasil jualan padi itu yang digunakan untuk membeli beras bagi kegunaan makanan keluarga seharian dan juga untuk keperluan kehidupan yang lain. Mereka juga tidak menyimpan padi tersebut untuk dijadikan benih kerana mereka akan membeli benih padi yang lebih berkualiti daripada Jabatan Pertanian untuk musim penanaman yang berikutnya.⁴

Berdasarkan kepada kajiselidik yang telah dilakukan, 40 orang (100 peratus) responden yang ditemui terus menjual hasil padi yang dituai itu kepada

syarikat-syarikat pembeli padi dan tidak menyimpannya untuk kegunaan keluarga. Dalam melakukan jualan itu, mereka menggunakan dua cara yang berbeza iaitu sistem penggunian dan sistem pukal. Bagi sistem penggunian, padi yang dituai dengan jentera itu dimasukkan ke dalam guni terlebih dahulu dan kemudiannya barulah dijual. Manakala sistem pukal pula, padi itu terus dimasukkan ke dalam lori tanpa digunakan terlebih dahulu dan terus dibawa ke pusat-pusat jualan padi. Ini berbeza dengan fenomena masyarakat petani dahulu yang lebih menyimpan hasil padi itu untuk kegunaan keluarga daripada menjualnya. Bagi mereka hasil titik penuh itu begitu bernilai daripada membelinya dari kedai-kedai.⁵

Walaupun kaedah penggunian semakin berkurangan digunakan pada hari ini, namun penulis mendapati bahawa tujuh belas orang responden (42.5 peratus) masih menggunakan sistem tersebut. Manakala dua puluh tiga orang lagi (57.5 peratus) menggunakan sistem pukal. Rasionalnya, penulis mendapati bahawa penggunaan sistem pukal adalah lebih mudah dan menjimatkan tenaga petani dan penggunaan tenaga buruh dapat dikurangkan. Sebaliknya, sistem penggunian akan mengambil masa dan mendatangkan kerumitan. Apatah lagi seandainya petani tersebut kekurangan tenaga kerja, dia terpaksa mengupah orang lain untuk mengisikan padi ke dalam guni.

Penggunaan sistem pukal juga telah mengubah kaedah yang digunakan untuk menyukat hasil padi yang diperolehi. Sebelum ia diperkenalkan, pengiraan hasil padi adalah berdasarkan kepada jumlah guni yang diperolehi. Kaji selidik menunjukkan bahawa hanya tujuh belas orang responden (42.5 peratus) sahaja

yang masih mengira hasil padi dengan kaedah kiraan guni. Manakala selebihnya (57.5 peratus) menggunakan sistem pukal iaitu hasil yang diperolehi berdasarkan kepada timbangan padi tersebut secara terus tidak sebagaimana sistem penggunaian yang beratnya dicampur daripada berat setiap guni hasil padi yang diperolehi.

Berdasarkan kepada huraian ringkas di sini, dapat disimpulkan bahawa penggunaan tenaga para petani pada hari ini tidak lagi seperti dahulu. Penggunaan teknologi moden dalam bidang pertanian telah berjaya menjimatkan masa dan tenaga para petani. Apa yang lebih penting ialah teknologi moden ini dapat membantu mempertingkatkan kadar pengeluaran hasil padi oleh para petani.

Namun, persoalannya, sejauh manakah kemajuan dan peningkatan hasil yang *dialami dalam bidang penanaman padi ini dapat mempertingkatkan* perolehan kutipan zakat padi itu sendiri. Inilah yang akan dikupas oleh penulis dalam perbahasan seterusnya yang akan melihat sejauh manakah kemajuan yang dialami ini dapat membantu dalam mempertingkatkan perolehan pengeluaran zakat padi oleh para petani.

3.3 KADEAH PENGIRAAN ZAKAT PADI

Perbincangan di bawah tajuk “Amalan Pengurusan Hasil Padi” sebelum ini menjelaskan bahawa, amalan ini telah berubah dari semasa ke semasa. Timbul persoalan, apakah kaedah pengiraan zakat padi juga turut berubah bersama perubahan yang berlaku itu? Justeru, di sini, penulis akan melihat isu ini yang secara langsung memberi impak kepada pengeluaran zakat padi.

Jika ditinjau daripada perspektif Fiqh Islam, aspek pengairan adalah merupakan perkara pokok yang akan menentukan kadar yang perlu dibayar daripada hasil padi yang mencukupi nisabnya. Iaitu kadarnya sama ada lima peratus (5 peratus), tujuh perpuluhan lima peratus (7.5 peratus) atau sepuluh peratus (10 peratus).⁶ Secara tidak langsung perbincangan ini adalah menjurus kepada aspek penggunaan tenaga dari segi pengairan yang mana ia boleh memberi kesan dalam pengeluaran zakat padi.

Berdasarkan kepada kajiselidik yang dilakukan terhadap para petani berkaitan dengan aspek pengairan yang digunakan bagi mengairi tanaman padi mereka, penulis mendapati bahawa petani dapat dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu;

- i. Petani yang hanya bergantung kepada air hujan semata-mata;
- ii. Petani yang menggunakan taliair yang disediakan dan air hujan;
- iii. Petani yang menggunakan air sungai dan air hujan.

Daripada keseluruhan empat puluh orang responden yang ditemui, penulis mendapati bahawa seramai tujuh belas orang petani (42.5 peratus) hanya bergantung semata-mata kepada air hujan, sebelas orang (27.5 peratus) bergantung kepada taliair dan juga air hujan dan dua belas orang (30 peratus) menggunakan kaedah pengairan yang bergantung kepada air hujan dan juga enjin mengepam air untuk mengairi sawah mereka.

Jika diteliti keadaan ini, sudah pastilah kaedah pengairan yang digunakan akan mempengaruhi kadar pengeluaran zakat padi yang diwajibkan iaitu sama ada lima peratus (5 peratus), tujuh perpuluhan lima peratus (7.5 peratus) atau sepuluh peratus (10 peratus) daripada hasil padi yang mencukupi nisabnya. Namun berdasarkan kepada amalan masyarakat petani di daerah Pendang, mereka tidak mengambil kira persoalan berkaitan dengan kadar penggunaan tenaga bagi pengairan yang digunakan dalam menghasilkan tanaman itu. Dengan lain perkataan, tidak berlaku perbezaan dalam aspek pengairan terhadap kadar zakat yang wajib dikeluarkan.

Melalui kaji selidik yang telah dilakukan, keseluruhan responden mengeluarkan zakat dengan kadar sepuluh peratus (10 peratus) daripada hasil yang diperolehi oleh mereka tanpa menghiraukan kaedah pengairan yang digunakan. Walaupun seramai tujuh belas orang (42.5 peratus) hanya bergantung semata-mata kepada air hujan, sebelas orang (27.5 peratus) bergantung kepada talair dan juga air hujan dan dua belas orang (30 peratus) menggunakan kaedah pengairan yang bergantung kepada air hujan dan juga enjin mengepam air untuk mengairi sawah mereka, namun kadar zakat yang dikeluarkan oleh mereka tetap sama tanpa ada apa-apa perbezaan.

Dalam hal ini, penulis merasakan bahawa tujuh belas orang responden itu perlu mengeluarkan zakat dengan kadar sepuluh peratus (10 peratus) kerana mereka hanya bergantung kepada air hujan semata-mata tanpa memerlukan kerja yang lebih untuk mengairi tanaman.⁷ Manakala dua belas orang responden lagi

hanya perlu mengeluarkan zakat dengan kadar tujuh perpuluhan lima peratus (7.5 peratus) sahaja kerana usaha yang dilakukan oleh mereka untuk mengairi sawah tersebut di samping mendapat bantuan siraman daripada air hujan.⁸

Manakala sebelas orang responden yang lain yang mendapat bantuan pengairan daripada tali air juga perlu mengeluarkan zakat dengan kadar sepuluh peratus (10 peratus) sekiranya talair yang dibina adalah berhampiran dengan sawah mereka dan mereka hanya perlu membuka laluan kepada aliran air memasuki sawah mereka tanpa perlu bekerja kuat.⁹ Namun, sekiranya mereka terpaksa menggunakan enjin mengepam air untuk mengairi sawah daripada talair tersebut, maka kadarnya ialah tujuh perpuluhan lima peratus (7.5 peratus). Kaji selidik juga menunjukkan tidak ada responden yang tidak bergantung kepada air hujan untuk mengairi sawah mereka.

3.3.1 Amalan Kaedah Pengiraan Zakat Padi

Melalui kaji selidik yang dilakukan, penulis mendapati bahawa semua petani membayar zakat padi yang diusahakan oleh mereka. Daripada jumlah itu, tujuh belas orang (42.5 peratus) mengeluarkan zakat sebaik sahaja padi diisikan ke dalam guni. Manakala selebihnya, iaitu seramai dua puluh tiga orang (57.5 peratus) mengeluarkan zakat setelah padi itu dijual melalui sistem pukal.

Bagi petani-petani yang mengeluarkan zakat sebaik sahaja padi diisikan ke dalam guni, kaedah pengiraan yang digunakan oleh mereka ialah bagi setiap sepuluh guni padi, mereka mengeluarkan kadar zakatnya iaitu satu guni (sepuluh

nisbah satu). Kiraan ini adalah berdasarkan kepada kadar sepuluh peratus (10 peratus) daripada hasil yang mencapai nisabnya. Manakala bagi petani yang menggunakan sistem pukal pula, iaitu hasil padi dijual terus, ialah dengan mengetahui nisab zakat padi tersebut terlebih dahulu. Kemudiannya, barulah dikira jumlahnya iaitu dengan mengeluarkan sebanyak sepuluh peratus (10 peratus) daripada hasil jualan tersebut.

Di sini, penulis ingin mengemukakan contoh pengiraan yang digunakan daripada kedua-dua kaedah di atas sebagaimana dalam jadual yang berikut;

Jadual 3.3.1 : Contoh Kaedah Pengiraan Zakat Padi

Perkara	Sistem Penggunaian	Sistem Pukal
Hasil padi yang diperolehi	20 guni	2,000 kg.
Nisab zakat padi	13.69 guni	1,300.499 kg.
Kadar yang wajib	$20 \text{ guni} \times 10\% = 2 \text{ guni}$	$2,000 \text{ kg} \times \text{RM } 0.8981 \times 10\% = \text{RM } 179.62$
Jumlah yang wajib dikeluarkan	2 guni padi	RM 179.62

Berdasarkan kepada kaedah pengiraan yang dilakukan oleh para petani ini, penulis ingin melihat persoalan nisab zakat yang perlu dicapai oleh hasil padi tersebut. Ini adalah kerana berdasarkan kepada kajiselidik dan pemerhatian yang dilakukan, terdapat segelintir petani yang mengeluarkan zakat walaupun perolehan mereka tidak mencukupi nisab yang wajib dikeluarkan zakat. Ini berlaku bagi para petani yang melakukan pengiraan dengan sendiri dan tidak merujuk kepada mana-mana sumber dalam mengeluarkan zakat tersebut. Apa yang mereka lakukan adalah semata-mata berpegang kepada amalan masyarakat

iaitu setiap sepuluh guni yang dihasilkan, maka kadar yang wajib dikeluarkan ialah seguni padi.

Realiti yang berlaku ialah penulis mendapati bahawa tiga orang responden (7.5 peratus) yang memperolehi hasil kurang daripada nisab zakat turut mengeluarkan zakat padi tersebut. Ini berlaku di kalangan petani yang masih menggunakan sistem penggunian. Jika dilihat kepada kadar nisab yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Zakat Negeri Kedah, kadarnya berdasarkan kepada timbangan ialah 1,300.449 kg.¹⁰ Berdasarkan kepada perkiraan guni, purata berat setiap guni padi ialah 95 kg.¹¹ Dalam hal ini, jumlah nisab berdasarkan kepada perkiraan guni ialah bersamaan lebih kurang 13.69 guni padi.

Apa yang penulis dapati, perolehan daripada tiga orang responden tersebut tidak mencapai tiga belas guni padi. Tetapi mereka tetap mengeluarkan kadarnya dengan seguni padi sebagai zakat yang wajib. Apabila ditanya mengapa dikeluarkan juga zakat sedangkan hasil yang diperolehi belum mencapai nisab yang wajib. Menurut mereka, berdasarkan kepada amalan masyarakat, setiap sepuluh guni padi, maka wajib dikeluarkan seguni. Berdasarkan kepada fahaman ini, mereka beranggapan bahawa jumlah tersebut telah mencapai nisab zakat dan mereka mengeluarkan kadar tersebut sebagai zakat yang wajib.¹²

Manakala bagi mereka yang memakai sistem pukal pula iaitu seramai dua puluh tiga orang, penulis mendapati seramai empat belas orang (60.87 peratus) daripadanya mengeluarkan zakat dengan berpandukan kepada nisab zakat padi

berdasarkan kepada hasil jualan. Manakala sembilan orang (39.13 peratus) lagi dengan merujuk kepada amil, Pejabat Zakat Daerah atau Pejabat Zakat Negeri untuk mengetahui kadar zakat yang wajib dikeluarkan dan juga untuk memastikan sama ada perolehan mereka itu mencapai nisab atau tidak.

3.3.2 Analisis Kaedah Pengiraan Semasa

Berdasarkan kepada amalan masyarakat di daerah Pendang, jelas menunjukkan bahawa kaedah pengiraan zakat padi yang wajib dikeluarkan adalah berdasarkan kepada mengeluarkan sepersepuluh (1/10 atau 10 peratus) daripada hasil padi yang diperolehi. Zakat adalah dikeluarkan sebaik sahaja hasil padi diperolehi dan tidak mengira segala perbelanjaan pengurusan yang digunakan semasa mengusahakan sawah tersebut.

Berdasarkan kepada kaedah pengiraan yang diterima pakai oleh para petani di daerah Pendang ini, penulis merasakan bahawa satu persoalan yang perlu untuk ditangani iaitu mengenai kaedah pengiraan tersebut. Apa yang menjadi persoalan ialah, bagaimakah dengan perbelanjaan pengurusan yang telah digunakan oleh para petani dalam melakukan pengiraan nisab zakat padi tersebut? Bagaimakah dengan para petani yang hanya memperolehi hasil yang mencukupi nisab sahaja sebelum ditolak segala perbelanjaan yang digunakan daripada pengurusan sawah tersebut tetapi masih mengeluarkan zakat?

Persoalan ini timbul kerana penulis mendapati bahawa apa yang menjadi amalan di kalangan para petani dalam mengeluarkan zakat ketika ini ialah dengan

berdasarkan kepada pendapatan sebelum ditolak daripada segala perbelanjaan. Dengan lain perkataan, sebelum memperolehi pendapatan bersih daripada usaha yang dilakukan. Ini kerana, berdasarkan kepada kajiselidik yang dilakukan, keseluruhan petani tersebut mengeluarkan zakat sebelum ditolak perbelanjaan. Persoalannya, bagaimanakah dengan segala perbelanjaan pengurusan sawah padi tersebut? Rasionalnya, seandainya selepas ditolak kadar zakat tersebut, keuntungan yang diperolehi adalah tidak seberapa kerana mereka terpaksa juga menolak segala modal dalam mengusahakan sawah padi.

Penulis merasakan persoalan ini perlu diketengahkan kepada masyarakat yang memperolehi pendapatan yang tidak banyak berbanding dengan petani-petani yang memperolehi pendapatan yang banyak kerana mengusahakan sawah yang luas. Penulis menitikberatkan persoalan ini kerana berdasarkan kepada situasi semasa, pekerjaan sebagai pesawah bukan lagi sesuatu yang mendatangkan nilai komersil kepada petani. Tetapi penanaman padi adalah lebih merupakan kepada perolehan untuk sara hidup sahaja dewasa ini. Dengan lain perkataan, ianya hanya sebagai sumber pendapatan bagi menjalani kehidupan sehari-hari dan bukan sebagai sumber kekayaan.¹³

Dalam mengulas mengenai isu ini, penulis ingin memberi perhatian kepada fatwa yang telah dikeluarkan berkaitan dengan isu ini. Pihak Jabatan Zakat Negeri Kedah telah mengemukakan persoalan ini kepada Jawatankuasa Fatwa Majlis Agama Islam Negeri Kedah iaitu zakat hanya dikenakan di atas perolehan bersih setelah ditolak segala perbelanjaan pengurusan oleh petani semasa

mengusahakan tanamannya pada setiap musim. Tidak dinafikan bahawa perkara ini adalah bersalah dengan amalan masyarakat yang berpegang kepada mazhab Syafi'i, iaitu zakat dikenakan di atas semua perolehan asal tanpa mengambil kira soal perbelanjaan untuk mengusahakannya.¹⁴

Jawatankuasa Fatwa Majlis Agama Islam Negeri Kedah yang bertanggungjawab dalam urusan fatwa, telah mengkaji saranan oleh Jabatan Zakat ini. Dalam memberikan fatwa ini, Jawatankuasa Fatwa telah mempertimbangkan suasana kehidupan para petani yang masih tergolong dalam kategori yang berpendapatan rendah. Seandainya kutipan zakat padi itu dijalankan sebagaimana yang biasa dalam masyarakat, maka ia akan menjadi beban yang berat ke atas mereka.¹⁵

Berdasarkan kepada hal inilah, Jawatankuasa Fatwa telah memberikan pendapat berpandukan kepada *Kitāb al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, oleh Dr. Wahbah al-Zuhayli, dalam Juzuk Kedua, halaman 150. Pendapat itu berbunyi;¹⁶

“Sekiranya projek separa peladang itu dilaksanakan, maka kutipan zakat padi hasil daripada projek ini bolehlah dilakukan dengan bertaqlid kepada Mazhab Abi Hanifah yang mensyaratkan harta yang wajib dizakatkan itu, iaitulah harta yang bersih dari hutang dan dari keperluan asas pemiliknya umpama nafkah, rumah kediaman dan pakaian dan umpama alat perkakas kerja dan kenderaan. Dengan itu bebanan yang dipikul oleh petani, akan menjadi ringan dan mereka akan mengeluarkan zakat dengan penuh kerelaan dan kutipan zakat akan menjadi bertambah mudah”.

Seandainya diteliti persoalan di atas, memang benar bahawa perbelanjaan pengurusan padi ketika ini adalah memerlukan perbelanjaan pengurusan yang

banyak. Secara puratanya, kos penyelenggaraan serelung sawah padi adalah seperti di bawah;¹⁷

Jadual 3.3.2 : Kos Perbelanjaan Penyelenggaraan Serelung Sawah Padi

Bil	Perkara	Kos Perbelanjaan
1	Upah membajak dan membadaui sawah dengan jentera	RM 75.00
2	Benih padi	RM 42.00
3	Upah menabur, meracun dan menjajak batas	RM 30.00
4	Racun rumpai	RM 60.00
5	Baja tambahan	RM 45.00
6	Jentuai padi	RM 75.00
7	Upah lori menjual padi	RM 36.00
	JUMLAH	RM 363.00

Pengiraan di atas adalah merupakan modal purata bagi serelung padi yang diusahakan oleh petani. Setiap relung memerlukan modal mengusahakan secara puratanya RM 363.00. Namun begitu bagi pengusaha yang mengusahakan sendiri tanpa memerlukan kepada upah menabur, meracun dan menjajak batas, maka perbelanjaan modal adalah kurang sedikit iaitu RM 338.00 sahaja bagi setiap relung yang diusahakan.

Manakala dilihat daripada jumlah hasil yang akan diperolehi bagi serelung padi yang diusahakan adalah dengan berdasarkan kepada purata perolehan hasil bagi serelung sawah padi boleh menghasilkan sebanyak lapan belas guni padi.¹⁸ Manakala berat seguni padi secara purata ialah 95 kg.¹⁹ Harga semasa sekilogram padi (termasuk subsidi) ialah RM 0.8981.²⁰ Maka setiap guni padi yang beratnya 95 kg. berharga RM 85.3195. Dengan itu purata hasil serelung sawah padi ialah sebanyak RM 1,535.751.

Sekiranya dihitung pendapatan bersih di sini, hasil yang diperolehi ditolak dengan modal iaitu hanyalah sebanyak RM 1,172.751 (RM 1,535.751 - RM 363.00 = RM 1,172.751). Maka di sini perolehan untuk setiap relung hanyalah RM 1,172.751 sahaja bagi setiap relung diusahakan. Ini adalah berdasarkan kepada sawah yang diusahakan adalah sawah kepunyaan sendiri iaitu tidak menyewakan daripada orang lain.

Seandainya sawah itu disewakan, maka perbelanjaan yang diperlukan adalah lebih daripada itu. Berdasarkan kepada amalan penyewaan sawah di daerah Pendang, setiap relung sawah disewakan dengan harga RM 350.00 bagi semusim ia diusahakan. Malah ada sewaan yang mencapai hingga RM 400.00.²¹ Seandainya seseorang petani itu mengusahakan sawah yang disewa, maka keseluruhan modal yang dikeluarkan ialah RM 713.00 (RM 363.00 + RM 350.00). Pendapatan bersih hanyalah sebanyak RM 822.751 (RM 1,535.751 - RM 713.00) sahaja.

Dalam memperkatakan berkenaan dengan sawah yang disewa ini, penulis ingin meninjau secara ringkas berkenaan dengan kewajipan mengeluarkan zakat iaitu ke atas pemilik tanah atau pemilik tanaman dari perspektif Fiqh Islam. Menurut Imam Abu Hanifah, beliau berpendapat bahawa zakat adalah dikenakan kepada pemilik tanah yang menyewakan tanah tersebut dengan alasan bahawa hasil yang diperolehi itu memberi manfaat kepadanya kerana dia mendapat bayaran sewa yang seolah-olah dia sendiri yang menanam tanaman tersebut.²² Ini berbeza dengan jumhur fuqaha' yang bersepakat bahawa, zakat adalah dikenakan ke atas pemilik tanaman itu dan bukannya pemilik tanah. Ini adalah

kerana zakat itu wajib atas tanaman dan penyewa itu merupakan pemilik kepada tanaman tersebut. Zakat juga tidak dikenakan kepada tanah yang tidak ditanami kerana zakat itu adalah hak kepada tanaman.²³ Dengan ini, penulis berpendapat bahawa bayaran sewaan itu adalah termasuk juga dalam belanja kos pengurusan sawah kerana jika sawah itu tidak disewa, maka tanaman tidak akan dapat dijalankan.

Secara ringkasnya pendapatan bersih yang akan diperolehi adalah sebagaimana dalam jadual berikut;

Jadual 3.3.3 : Perolehan Bersih Hasil Padi Bagi Serelung Sawah

Bil	Perkara	Sawah Sendiri	Sawah disewa
1	Kos pengurusan	RM 363.00	RM 713.00
2	Hasil perolehan	RM 1,535.751	RM 1,535.751
3	Hasil bersih	RM 1,172.751	RM 822.751
4	Nisab Zakat	RM 1,167.97	RM 1,167.97
5	Lebih / Kurang dari Nisab	Melebihi RM 4.781	Kurang RM 353.219
6	Kadar Zakat	RM 117.275	Tidak wajib zakat

Apa yang jelas di sini, seandainya ditolak semua modal itu, maka pendapatan bersih bagi setiap hasil yang mencapai lapan belas guni padi barulah mencapai jumlah nisab zakat padi iaitu RM 1,167.97. Iaitu kelebihan RM 4.781 bagi petani yang mengusahakan sawahnya sendiri. Tetapi bagi petani yang menyewa sawah pula maka kadarnya masih belum mencapai kadar nisab setelah ditolak segala perbelanjaan pengurusan sawah padi tersebut. Iaitu kekurangan sebanyak RM 353.219. Maka zakat tidak diwajibkan terhadap pendapatan tersebut.

Berdasarkan kepada fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Agama Islam Negeri Kedah ini, penulis berpendapat bahawa ia amatlah bersesuaian dengan kos sara hidup masyarakat kini yang semakin meninggi. Para petani tidak akan merasa beban dengan pengeluaran zakat yang dikenakan ke atas mereka dan dapat meringankan beban perbelanjaan yang ditanggung oleh mereka. Dengan ini, secara tidak langsung taraf hidup umat Islam akan dapat dipertingkatkan dan seterusnya menggalakkan para petani agar mengusahakan tanah mereka dengan lebih giat lagi.

Sebagai kesimpulan di sini, penulis berpendapat bahawa, penggunaan fatwa ini secara tidak langsung akan menggalakkan para petani untuk mengeluarkan zakat berdasarkan kepada situasi semasa. Penggunaan fatwa ini menurut pendapat penulis, bukanlah bertujuan untuk membebaskan para petani daripada kewajipan membayar zakat, malah ini akan memberikan rangsangan kepada mereka untuk membayar zakat kerana kadar zakat adalah berdasarkan kepada perolehan bersih hasil usaha mereka. Ini secara tidak langsung menjadikan para petani tidak merasakan beban terhadap kewajipan zakat ke atas mereka dan seterusnya perolehan kutipan zakat sudah pastilah akan bertambah dan mencapai tahap yang sepatutnya.

3.4 KAEDAH PEMBAYARAN ZAKAT PADI

Berdasarkan kepada perbahasan yang lalu, dapat diperhatikan bahawa kaedah pengiraan zakat padi juga telah berubah. Perubahan ini secara tidak langsung sudah pastilah akan berkait rapat juga dengan kaedah pembayaran zakat

padi itu sendiri. Berdasarkan kepada pemerhatian dan kaji selidik yang dilakukan, penulis mendapati bahawa kaedah pembayaran zakat padi yang diamalkan oleh petani di daerah Pendang adalah melalui dua cara. Iaitu;

- i. Pembayaran dengan menggunakan padi itu sendiri.
- ii. Pembayaran dengan menggunakan wang ringgit.

Dalam perbahasan di bawah topik ini, penulis akan melihat kedua-dua kaedah yang dilakukan dengan lebih terperinci secara berasingan.

3.4.1 Pembayaran Dengan Menggunakan Padi

Kaedah pembayaran ini ialah mengeluarkan zakat dengan menggunakan hasil padi itu sendiri. Iaitu apabila padi yang dihasilkan itu mencukupi nisabnya, maka zakat yang wajib dikeluarkan itu diambil daripada padi itu sendiri sebagai kadar yang wajib dikeluarkan. Memang telah menjadi amalan masyarakat semenjak dahulu lagi, pengeluaran zakat padi adalah dengan padi itu sendiri sebaik sahaja ia telah dituai dan diisi ke dalam guni. Apabila jumlah nisab mencukupi, maka jumlah tertentu (10 peratus) daripada keseluruhan hasil itu akan dikeluarkan.²⁴

Jika dilihat dengan lebih mendalam di sini, pengamalan pembayaran zakat dengan padi itu sendiri adalah berdasarkan kepada Mazhab Syafi'i yang berpendapat bahawa pengeluaran zakat bagi harta zahir itu mestilah dengan harta itu sendiri. Berdasarkan kepada tanaman, maka zakat yang akan dikeluarkan itu adalah daripada tanaman itu sendiri.²⁵ Dalam konteks padi, maka zakat yang dikeluarkan itu, ialah padi itu sendiri dan bukannya dengan harta yang lain.

Kaedah ini adalah popular atau menjadi kebiasaan masyarakat sebelum daripada pengenalan jentuai dalam proses penuaian padi. Para petani kemudiannya akan mengira nisab zakat padi dengan jumlah hasil padi itu berdasarkan kepada jumlah guni. Apabila zaman berubah dan sistem jentuai mula diperkenalkan, hasil padi masih diisikan ke dalam guni sebelum ia dijual. Zakat dikira berdasarkan kepada jumlah hasil yang diperolehi itu. Kaedah pembayaran dengan menggunakan padi ini masih lagi diamalkan di dalam masyarakat umat Islam di daerah Pendang.

Ini terbukti berdasarkan kepada kaji selidik yang dilakukan, seramai tujuh belas orang responden (42.5 peratus) mengeluarkan zakat dengan menggunakan padi yang telah diisi ke dalam guni. Pengeluaran itu dilakukan sebaik sahaja padi itu diisi ke dalam guni sebelum dijual. Mereka akan memanggil orang yang layak untuk menerima zakat tersebut. Kemudianya zakat itu akan dihebahkan kepada orang tersebut untuk menerima padi zakat tersebut. Telah menjadi amalan juga, penerima tersebut biasanya akan membenarkan padi zakat yang diterimanya itu dijual bersama dengan padi-padi yang lain oleh tuan punya asal. Kemudiannya, dia hanya akan menerima wang ringgit selepas padi itu dijual. Jarang sekali berlaku, penerima zakat itu menjualnya sendiri.

Sebagaimana yang dijelaskan sebelum daripada ini, kaedah pengiraan yang diamalkan ialah dengan nisbah setiap sepuluh guni, maka kadar yang dikeluarkan ialah satu guni (10:1). Iaitu bagi hasil padi yang mencukupi nisabnya, maka kadar yang wajib dikeluarkan zakatnya ialah seguni bagi setiap sepuluh guni

dan begitulah seterusnya. Berdasarkan kepada amalan ini, jelas menunjukkan bahawa, zakat yang dikeluarkan itu ialah daripada padi itu sendiri.

3.4.2 Pembayaran Dengan Menggunakan Wang Ringgit

Selain daripada kaedah yang pertama ini, kaedah pembayaran dengan menggunakan wang ringgit juga semakin mendapat tempat di kalangan masyarakat Islam pada hari ini. Berdasarkan kepada amalan pembayaran zakat dengan menggunakan wang ringgit ini, timbul persoalan adakah boleh zakat padi itu dibayar dengan menggunakan wang ringgit. Sedangkan berdasarkan kepada mazhab Syafi'i, zakat sesuatu harta itu mestilah dibayar dengan harta itu juga. Seperti zakat padi, mestilah dikeluarkan zakat daripada padi itu juga.²⁶

Dalam menjawab persoalan ini, Jawatankuasa Fatwa Majlis Agama Islam Negeri Kedah, telah mengeluarkan fatwa bahawa harus mengeluarkan zakat padi dengan wang iaitu berdasarkan kepada harga kadar zakat padi yang perlu dikeluarkan itu.²⁷ Fatwa yang dikeluarkan ini adalah berpandukan kepada;²⁸

1. Fatwa dan amalan Imam Balqini yang mengharuskan zakat emas dan perak dan zakat perniagaan dengan duit tembaga dan Imam al-Bukhari telah mendahului Imam Balqini di dalam masalah ini, oleh kerana Imam Balqini adalah seorang ahli *takhrij*, maka layaklah untuk diikuti (*taglid*).
2. Amalan Sayyidina Mu'az bin Jabal (r.a.) yang pernah memerintah penduduk Yaman supaya mengeluarkan zakat sya'ir dan jagung dengan pakaian.
3. Atau apabila diperintah oleh Sultan supaya dikeluarkan zakat dengan harta barang yang dikenakan zakat itu.

Berdasarkan kepada fatwa ini, apa yang ingin penulis utarakan ialah dari aspek kesesuaian penggunaannya berdasarkan kepada fenomena semasa masyarakat petani. Dalam mempertimbangkan kewajaran fatwa ini, penulis melihatnya dari beberapa perspektif yang mengharuskan penggunaannya.

Pertamanya, berdasarkan kepada amalan masyarakat sendiri. Sistem penggunian yang sememangnya telah lama diamalkan semenjak turun temurun semakin kurang diamalkan oleh masyarakat. Masyarakat petani pada hari ini lebih mempraktikkan penggunaan sistem pukal iaitu padi yang dituai dengan menggunakan jentuai itu terus dimasukkan ke dalam lori yang kemudiannya terus dibawa ke kilang-kilang atau syarikat-syarikat yang mengendalikan urusan pembelian padi.

Melalui sistem pukal ini, hasil padi itu akan ditimbang untuk menentukan beratnya dan seterusnya harga hasil jualan tersebut. Berdasarkan kepada hasil jualan itulah ditentukan sama ada hasil padi tersebut mencapai nisab zakat padi atau tidak. Setelah ini dikenal pasti, barulah kadar yang wajib dikeluarkan itu dikira berdasarkan harga padi semasa. Jelasnya pembayaran zakat itu adalah dengan menggunakan wang ringgit tetapi berdasarkan kepada nilai kadar yang wajib dikeluarkan oleh seseorang petani itu.

Keduanya, berdasarkan kepada *maslahah* kerana penggunaan sistem pukal itu adalah lebih cepat dan dapat mengelakkan padi daripada mengalami kerosakan jika disimpan dengan lebih lama atau terdedah kepada hujan sebelum daripada

dijual. Sememangnya menjadi amalan masyarakat pada hari ini yang tidak menyimpan padi untuk kegunaan sendiri. Mereka akan terus menjualnya sebaik sahaja padi itu dituai. Bagi mengelakkan kemudaratannya kerana kerosakan padi tersebut, adalah lebih baik ia dijual dengan segera. Begitu juga sekiranya padi itu diisi ke dalam guni terlebih dahulu, maka ia memerlukan kepada penggunaan tenaga kerja. Bahkan kadangkala berlakunya kekurangan tenaga kerja hingga memerlukan kepada upah dan terpaksa mengeluarkan belanja upah pula.

Ketiganya, dari perspektif pentadbiran zakat sendiri iaitu kakitangan untuk pergi ke tempat-tempat penuaian padi. Walaupun amil telah dilantik untuk menguruskannya, namun masih tidak mencukupi kerana proses penuaian pada masa ini adalah lebih cepat. Jumlah amil bagi daerah Pendang adalah kecil iaitu seramai sembilan puluh satu orang sahaja.²⁹ Adalah sukar untuk mereka bertugas dengan pergi berjumpa setiap pesawah padi bagi memungut hasil padi zakat tersebut dengan segera.

Secara praktiknya, seorang amil tidak akan mampu untuk menghabiskan kutipannya bagi setiap kawasan yang di bawah kawalannya dalam tempoh yang singkat. Secara tidak langsung, ini akan membebankan para petani untuk terus menjaga hasil padinya dan berkemungkinan akan membawa kerosakan kepada padi itu sendiri.

Berdasarkan kepada pertimbangan ini, adalah wajar fatwa ini diterima pakai demi kebaikan kepada semua pihak sama ada pihak pentadbir zakat

mahupun kepada pesawahan itu sendiri. Bahkan amalan ini adalah tidak bertentangan dengan Syarak jika ditinjau dengan lebih mendalam dari perspektif Fiqh Islam yang sememangnya tidak membebankan umat Islam dan sentiasa memberi jalan keluar daripada kesusahan yang dilalui oleh umatnya.

Berdasarkan kepada kaji selidik yang dilakukan, penulis mendapati amalan pembayaran dengan menggunakan wang ringgit ini, semakin mendapat tempat di kalangan masyarakat. Seramai dua puluh tiga orang responden (57.5 peratus) menggunakan kaedah pembayaran dengan wang ringgit. Cara pembayaran ini adalah dengan padi itu dijual terlebih dahulu. Petani kemudiannya mendapat hasil jualan itu yang dicampurkan sekali dengan jumlah harga subsidi padi. Mereka kemudiannya akan mengira jumlah kadar zakat itu dengan berpandukan kepada pengiraan sendiri atau dengan merujuk kepada orang-orang alim atau kepada amil dan pihak pentadbir zakat sendiri untuk mengetahui jumlah yang perlu dikeluarkan oleh mereka.

Berdasarkan kepada kaedah pembayaran yang kedua ini, penulis mendapati bahawa kaedah ini semakin lama semakin mendapat tempat di kalangan masyarakat petani. Tidak hairanlah seandainya suatu ketika nanti kaedah ini akan mendapat tempat sepenuhnya dalam urusan pembayaran zakat padi iaitu dengan menggunakan wang ringgit untuk mengeluarkan zakat. Apatah lagi kaedah ini lebih mudah dan para petani tidak perlu tergesa-gesa untuk mencari penerima zakat kerana mereka boleh berbuat sedemikian selepas menjual hasil padi tersebut.

3.4.3 Analisis Kaedah Pembayaran Zakat

Sekiranya diteliti dengan lebih mendalam perbahasan mengenai kaedah pembayaran ini, ia secara tidak langsung memberi impak kepada perolehan kutipan zakat padi bagi daerah Pendang. Tidak dinafikan bahawa, seandainya kaedah pembayaran dengan padi boleh menjelaskan perolehan kutipan zakat padi kerana para petani sukar untuk menunggu para amil petugas memungut zakat datang memungut zakat padi tersebut. Begitu juga adalah sukar bagi para petani untuk membawa padi bagi menunaikan kewajipan zakatnya kepada pemerintah iaitu pihak pentadbir zakat atau amil.

Seandainya pembayaran dengan padi itu menjadi kesukaran, maka sudah pastilah kadar perolehan kutipan zakat itu berkurangan. Berdasarkan kepada kesukaran untuk membayar zakat yang dihadapi oleh para petani, maka langkah yang diambil oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Agama Islam Negeri Kedah adalah wajar dengan mengharuskan pembayaran zakat padi dengan menggunakan wang ringgit berdasarkan kepada nilai yang perlu dibayar daripada hasil padi yang diperolehi itu.

Namun apa yang menjadi persoalan untuk diutarakan di sini ialah, perubahan kaedah tersebut, iaitu keharusan pembayaran dengan menggunakan wang ringgit sepatutnya akan mempertingkatkan atau menambahkan jumlah perolehan kutipan zakat padi. Rasionalnya, penulis berpendapat sedemikian adalah berdasarkan kepada beberapa faktor, iaitu;

1. Para petani tidak lagi menghadapi masalah dalam usaha untuk mencari amil bagi membayar zakat yang wajib daripada hasil padi itu. Mereka boleh menjual terus kepada pembeli dan kemudiannya mengira kadar zakat yang wajib dan seterusnya mengeluarkan kadar zakat yang perlu dibayar itu.
2. Para petani tidak lagi menghadapi kesukaran untuk mencari amil atau pergi ke Pejabat Zakat Daerah Pendang atau Pejabat Zakat Negeri Kedah kerana tidak perlu membawa padi ke sana untuk membayar zakat. Sebaliknya hanya membawa wang ringgit sahaja. Jelasnya, tidak perlu membawa padi untuk membayar zakat.

Justeru di sini, penulis berpendapat bahawa proses kutipan zakat itu menjadi lebih mudah bagi pihak pentadbir zakat dan juga proses pembayaran di pihak petani tidak lagi menjadi suatu kesukaran. Maka sewajarnya, perolehan kutipan zakat itu akan meningkat dan sesuai dengan keluasan yang diusahakan dan hasil yang diperolehi oleh petani berdasarkan kepada unjuran yang dilakukan. Namun begitu berdasarkan kepada statistik perolehan kutipan zakat, didapati masih berlaku kenaikan dan penurunan dalam perolehan kutipan zakat.

Apa yang dapat penulis simpulkan di sini ialah, keharusan membayar zakat dengan menggunakan wang ringgit sebagai ganti itu, sewajarnya akan mempertingkatkan perolehan zakat padi oleh pihak pentadbir zakat. Ia secara tidak langsung memberikan kemudahan kepada para petani untuk menunaikan kewajipan mereka terhadap agama.

3.5 SALURAN PEMBAYARAN ZAKAT PADI

Perkara seterusnya yang ingin penulis utarakan di sini ialah berkaitan dengan saluran pembayaran zakat padi oleh para petani. Berdasarkan kepada pemerhatian dan kajiselidik yang telah dilakukan, penulis mendapati bahawa terdapat tiga bentuk saluran pembayaran yang digunakan oleh para petani dalam menunaikan kewajipan membayar zakat padi iaitu;

- i. Pembayaran zakat padi melalui saluran rasmi.
- ii. Pembayaran zakat padi melalui saluran tidak rasmi.
- iii. Pembayaran zakat padi melalui kedua-dua saluran.

3.5.1 Pembayaran Zakat Melalui Saluran Rasmi

Sebagaimana yang dimaklumi, bahawa padi adalah merupakan tanaman yang tergolong dalam kategori harta zahir yang mana zakatnya adalah wajib dibayar kepada pemerintah yang akan bertanggungjawab terhadap pengagihan perolehan zakat tersebut kepada golongan-golongan yang berhak menerima zakat.³⁰ Dalam hal ini, seseorang pemilik harta zahir itu wajib membayar zakat itu kepada pemerintah iaitu Sultan ataupun pihak pentadbir yang bertanggungjawab terhadap kutipan itu.

Dalam konteks penyelidikan ini, pembayaran zakat melalui saluran rasmi di sini bermaksud, pembayaran yang dibuat kepada pihak yang bertanggungjawab terhadap urusan zakat. Bagi daerah Pendang khususnya dan negeri Kedah amnya, pembayaran zakat padi diwajibkan melalui saluran-saluran rasmi iaitu kepada pemerintah sama ada pembayaran itu dilakukan melalui para amil yang dilantik

oleh pihak pentadbir zakat atau dengan dibayar kepada pegawai-pegawai petugas zakat di Pejabat Zakat sendiri. Bagi daerah Pendang, pihak yang bertanggungjawab adalah Pejabat Zakat Daerah Pendang. Begitu juga para amil yang telah dilantik untuk mengutip zakat daripada para petani.³¹

Dalam hal ini, Peraturan-peraturan Zakat 1982 memperuntukkan bahawa, hanya Jawatankuasa Zakat sahaja yang berhak memungut zakat dan Jawatankuasa itu berhak melantik Jawatankuasa Kerja dan pegawai-pegawai untuk melaksanakan urusan kutipan tersebut. Diperuntukkan juga bahawa Jawatankuasa hendaklah memungut zakat dengan sepenuhnya sebagaimana menurut Undang-undang Islam.³²

Peruntukan ini jelas menunjukkan bahawa kuasa diberikan kepada Jawatankuasa Zakat untuk memungut zakat daripada umat Islam. Hanya mereka yang berhak untuk menjalankan urusan kutipan zakat atau melalui pegawai-pegawai yang dilantik iaitu para amil. Dalam hal ini, jelas menunjukkan bahawa zakat padi itu adalah di bawah kuasa Jawatankuasa Zakat untuk mengutipnya. Jelasnya, pembayaran zakat padi itu mestilah melalui saluran rasmi iaitu kepada pihak pentadbiran zakat bagi daerah Pendang atau negeri Kedah. Hanya mereka sahaja yang berhak menerima pembayaran zakat padi tersebut.

Berdasarkan kepada kaji selidik yang dilakukan, jumlah responden yang mengeluarkan zakat melalui saluran rasmi sahaja hanyalah seramai tiga belas orang (32.5 peratus) sahaja daripada jumlah keseluruhan empat puluh orang

Hanya golongan-golongan di atas ini sahaja yang diberikan zakat kepada mereka. Soalnya, apakah golongan-golongan ini benar-benar dikategorikan sebagai orang yang benar-benar berhak menerima zakat? Apakah pertimbangan yang digunakan oleh mereka? Menurut beberapa orang responden, pertimbangan yang digunakan ialah mereka itu dikategorikan sebagai orang yang fakir dan miskin sahaja.

3.5.3 Pembayaran Zakat Melalui Kedua-dua Saluran

Fenomena yang ketiga ialah berlakunya pembayaran yang dilakukan melalui kedua-dua saluran iaitu saluran rasmi dan saluran tidak rasmi. Dalam hal ini, petani itu membayar sebahagian daripada zakat padi yang wajib dikeluarkan itu kepada Pejabat Zakat atau kepada amil dan selebihnya dibayar sendiri oleh petani kepada orang yang difikirkan layak untuk menerima zakat tersebut.

Daripada kajiselidik, didapati seramai lapan orang responden (20 peratus) membayar zakat melalui kedua-dua saluran iaitu melalui saluran rasmi dan juga tidak rasmi. Dalam konteks ini, penulis mendapati bahawa para petani membayar sebahagian daripada kadar zakat tersebut kepada amil petugas pemungut zakat dan sebahagian lagi kepada golongan yang berhak menerima zakat itu. Namun begitu, penulis tidak mendapat jumlah kadar sebenar yang dibayar oleh mereka kepada amil. Apa yang mereka nyatakan, hanyalah membayar sebahagian sahaja daripada kadar yang wajib dikeluarkan.

Apa yang ingin penulis utarakan bukanlah persoalan sama ada sedikit atau banyak kadar yang dibayar kepada amil. Tetapi ialah persoalan apakah mereka akan membayar sebahagian lagi atau baki zakat yang wajib itu. Bagaimana sekiranya mereka beranggapan bahawa tidak perlu lagi dikeluarkan kerana telah mengeluarkan sebahagian daripada zakat padi tersebut? Ini tidak menjadi masalah seandainya mereka membayar sebahagian lagi. Persoalan inilah yang perlu diteliti dan diberi perhatian kerana alasan ini, menurut pendapat penulis boleh dijadikan alasan untuk mereka tidak mengeluarkan zakat secara penuh dan hanya mengeluarkan sedikit sahaja kadar zakat yang wajib dan seterusnya bakinya tidak dikeluarkan.

3.5.4 Analisis Saluran Pembayaran Zakat

Sebelum melakukan analisis berkaitan saluran pembayaran zakat ini, penulis ingin meninjau secara ringkas beberapa kajian yang telah dilakukan sebelum ini dengan tujuan untuk melihat apakah persoalan ini adalah perkara baru atau telah lama berlaku. Daripada kajian oleh Dr. Abdul Aziz b. Muhammad, beliau mendapati bahawa para petani hanya membayar separuh daripada zakatnya kepada para amil dan separuh lagi dibayar kepada pegawai-pegawai surau atau masjid seperti ‘Tok Siak’ dan ‘Bilal’.³⁴

Para petani lebih cenderung membayar zakat kepada masyarakat setempat dan dengan kehendak mereka sendiri daripada membayarnya kepada pemerintah walaupun telah dijalankan bantuan ke atas mereka. Kajian ini dilakukan dalam tahun 1967 dan kemudiannya dilakukan pada tahun 1984.³⁵ Berdasarkan kepada

kajian ini, jelas menunjukkan bahawa saluran-saluran pembayaran zakat rasmi dan tidak rasmi telah lama wujud dan ia bukanlah sebagai sesuatu yang baru.

Abdul Aziz bin Mohd. Yasin juga di dalam kajiannya yang dilakukan dalam tahun 1956 hingga 1957 mendapati bahawa, soal pembayaran zakat itu adalah bersifat bebas untuk diberikan kepada sesiapa yang mereka suka. Pembayaran zakat biasanya diberikan kepada guru-guru agama, tuan-tuan haji, pawang dan bomoh. Begitu juga diberikan kepada sekolah-sekolah agama yang ketika itu lebih bersifat sekolah pondok.³⁶

Begitu juga berdasarkan kepada kajian yang dilakukan oleh Aidit bin Ghazali terhadap responden daripada beberapa buah negeri yang ada di Malaysia. Kajian yang dilakukan oleh beliau adalah terhadap keseluruhan zakat meliputi zakat fitrah dan harta. Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan oleh beliau, didapati bahawa kira-kira 65 peratus daripada 1,514 orang responden menggunakan saluran tidak rasmi, 17 peratus melalui saluran rasmi dan 18 peratus menggunakan kedua-dua saluran.³⁷

Menurut beliau lagi, faktor-faktor yang membawa kepada pemilihan pembayaran zakat melalui saluran tidak rasmi adalah disebabkan oleh;³⁸

- (a) Sikap pembayar yang malas untuk pergi ke pejabat zakat;
- (b) Pembayar tidak berkeyakinan dengan urusan pentadbiran zakat oleh pihak pentadbir zakat dan lebih berkeyakinan dengan cara sendiri;
- (c) Kelemahan pihak pentadbir sendiri dalam mengendalikan urusan kutipan; dan

(d) Perbezaan fahaman politik antara pembayar dan pihak pentadbir zakat.

Berdasarkan kepada faktor-faktor inilah yang memungkinkan para pembayar lebih cenderung untuk memilih saluran tidak rasmi dengan cara membayar terus kepada golongan yang berhak menerima zakat tersebut.

Berdasarkan kepada perbincangan mengenai saluran pembayaran zakat padi di daerah Pendang ini, penulis mendapati bahawa fenomena tersebut turut terjadi. Ini terbukti bahawa peratusan petani yang memilih saluran tidak rasmi melebihi peratusan yang memilih saluran rasmi. Bagi para petani yang membayar zakat melalui saluran rasmi ini juga jumlahnya adalah lebih kecil daripada para petani yang tidak membayar melalui saluran ini. Dalam hal ini, penulis merasakan bahawa, bukan para petani tidak membayar zakat yang secara tidak langsung menyebabkan kurangnya jumlah perolehan kutipan zakat. Tetapi mereka tetap membayarnya melalui saluran tidak rasmi.

Jelasnya dalam hal ini, penulis berpendapat kekurangan jumlah perolehan daripada yang sepatutnya itu bukanlah kerana para petani tidak membayar zakat, sebaliknya pembayaran tetap dilakukan melalui saluran tidak rasmi. Daripada huraian saluran pembayaran zakat ini, apa yang dapat kita perhatikan ialah ia secara tidak langsung memberi kesan kepada perolehan jumlah kutipan zakat yang sepatutnya diperolehi seandainya semua para petani membayar zakat melalui saluran rasmi iaitu kepada pemerintah. Namun begitu penulis merasakan bahawa ini hanya akan menjelaskan jumlah kutipan sahaja. Apa yang lebih berat penulis

perhatikan ialah mengenai isu adanya petani yang tidak mengeluarkan zakat langsung.³⁹

Masalah ini yang lebih utama daripada isu pembayaran zakat melalui saluran tidak rasmi. Sekurang-kurangnya golongan yang membayar zakat melalui saluran tidak rasmi tetap membayar zakat dan menunaikan rukun Islam mereka. Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan, penulis memperolehi maklumat daripada masyarakat kampung yang menyatakan bahawa ada pihak yang tidak mahu membayar zakat walaupun hasil yang diperolehi itu berlipat ganda kadarnya jika dikira zakat daripadanya.⁴⁰

Namun apa yang menjadi tumpuan penulis ialah berkenaan dengan pembayaran melalui saluran tidak rasmi. Dalam hal ini, pihak pentadbir zakat perlu meyakinkan masyarakat Islam bahawa cara pentadbiran zakat dilaksanakan dengan penuh amanah, cekap dan berkesan. Seterusnya menghilangkan keraguan di kalangan masyarakat Islam mengenai cara penggunaan wang zakat itu. Rasionalnya, pihak petani tidak boleh disalahkan secara seratus peratus atau dengan menuduhkan jari secara terus dan menyatakan bahawa mereka tidak membayar zakat. Ini adalah sesuatu yang tidak benar dan mereka tidak wajar dipersalahkan. Sebaliknya pihak pentadbir zakat sendiri yang perlu meneliti kembali mengapa masyarakat memilih untuk tidak membayar zakat kepada pemerintah serta apakah masalah-masalah yang menyebabkan mereka berbuat sedemikian.

Jelasnya, apa yang dapat disimpulkan di sini, sekiranya keseluruhan para petani melakukan pembayaran zakat melalui saluran rasmi iaitu membayarnya kepada pemerintah, jumlah kutipan zakat sudah pastilah akan bertambah dari semasa ke semasa. Dalam hal ini, untuk memastikan pembayaran zakat dibuat melalui saluran rasmi, secara tidak langsung, pihak pentadbir zakat perlu memainkan peranan untuk mengembalikan keyakinan dan kesedaran masyarakat untuk menunaikan kewajipan zakat mereka.

3.6 KESIMPULAN

Melalui perbincangan di dalam bab ini, dapat dilihat bahawa, amalan pembayaran zakat padi oleh umat Islam ketika ini telah mengalami beberapa perubahan iaitu dari aspek kaedah pengiraan dan cara pembayaran zakat yang lebih mudah untuk dipraktikkan sesuai dengan perkembangan semasa. Berdasarkan kepada perubahan-perubahan yang berlaku ini dapat menjelaskan bahawa aspek perolehan kutipan zakat oleh pihak pentadbir zakat sepatutnya mencapai jumlah yang sewajarnya diperolehi sekiranya semua petani menunaikan kewajipan mengeluarkan zakat kepada pemerintah.

Namun apa yang berlaku adalah sebaliknya apabila terbukti wujudnya dua saluran pembayaran zakat yang digunakan oleh para petani. Kewujudan dua saluran ini secara tidak langsung memberikan impak yang besar dalam aspek perolehan kutipan zakat padi. Apa yang berlaku ialah, jumlah perolehan zakat yang dikutip oleh pihak pentadbir zakat hanyalah berdasarkan kepada pembayaran yang dibuat melalui saluran rasmi sahaja. Kekurangan perolehan juga bukan

kerana petani tidak membayar zakat mereka kerana mereka sebenarnya membayar zakat melalui saluran tidak rasmi.

Kesimpulan yang dapat dilakukan di sini ialah, kekurangan jumlah perolehan kutipan zakat padi oleh pihak pentadbir zakat adalah berpunca daripada para petani. Persoalannya, bolehkah hanya petani dipersalahkan dalam hal ini kerana mereka tidak membayar zakat melalui saluran rasmi? Seandainya mereka merupakan punca keadaan tersebut, maka perlu diteliti mengapa berlakunya keadaan sedemikian. Apakah punca atau apakah masalah menyebabkan mereka memilih saluran tidak rasmi ini dan mengabaikan saluran rasmi? Di manakah silapnya? Bagaimanakah pula halnya dengan pihak pentadbir zakat dalam menjalankan urusan pentadbiran zakat ini?

Justeru, untuk menyalahkan para petani semata-mata atau menuing jari kepada mereka dengan mengatakan mereka tidak membayar zakat adalah sesuatu yang tidak benar. Para petani tetap menunaikan kewajipan agama. Pihak pentadbir sepatutnya meneliti keadaan ini dan seterusnya mengenal pasti penyelesaian permasalahan terhadap fenomena yang telah lama bertapak ini.

NOTA HUJUNG

¹ Temubual dengan Encik Abdul Hamid bin Jusuh, pada 9 Ogos 1999, jam 4.30 petang, di Kampung Bukit Berangan, Kubur Panjang, Pendang, Kedah. Beliau adalah seorang petani yang mengusahakan sawah padi hampir 40 tahun. Juga berdasarkan kepada temubual dengan Encik Abu bin Seman, pada 15 Ogos 1999, jam 8.30 malam, di Kampung Perupok, Kubur Panjang, Pendang, Kedah. Beliau mengusahakan sawah padi hampir 45 tahun.

² **Ibid.**

³ **Ibid.**

⁴ **Ibid.**

⁵ **Ibid.**

⁶ Lihat Bab Pertama di bawah tajuk kecil “1.7. Kadar Bayaran Zakat Tanaman”, hlm. 20 - 25.

⁷ al-Syirāzi (1959 M / 1379 H), *al-Muhadhdhab fi Fiqh al-Imām al-Syāfi‘ī*, Juz. 1, hlm. 210.

⁸ **Ibid.**

⁹ **Ibid.**

¹⁰ Peraturan-peraturan Zakat Tahun 1982 : Seksyen 13.

¹¹ Temubual dengan Encik Abu Hassan, Pegawai Bernas, pada 13 Ogos 1999, jam 2.30 petang di Pejabat Bernas Bukit Raya, Pendang, Kedah.

¹² Berdasarkan kepada temubual dengan responden semasa kaji selidik dijalankan terhadap mereka.

¹³ Temubual dengan Encik Abu bin Seman dan juga Encik Abdul Hamid bin Jusoh, **Op. Cit.**

¹⁴ Fatwa oleh Jawatankuasa Fatwa, Majlis Agama Islam Negeri Kedah.

¹⁵ **Ibid.**

¹⁶ **Ibid.**

¹⁷ Temubual dengan Ustaz Haji Abdul Jamil bin Md. Isa, Pembantu Hal Ehwal Islam Daerah Pendang. Temubual diadakan di Pejabat Agama Daerah Pendang, pada 12 Ogos 1999, jam 10.15 pagi. Beliau juga merupakan petani yang mengusahakan sawah hampir 10 tahun. Juga berdasarkan temubual dengan Encik

Hussain bin Haji Hanafiah, pada 13 Ogos 1999, jam 8.30 malam, di Kampung Bukit Berangan, Kubur Panjang, Pendang, Kedah. Beliau mengusahakan sawah padi hampir 35 tahun.

¹⁸ Purata hasil ini adalah berdasarkan kepada sawah di bawah kendalian PPK MADA. Manakala di bawah PPK LPP pula serelung sawah secara puratanya boleh menghasilkan empat belas guni padi. Temubual dengan Encik Azhar bin Ahmad, Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Silaturrahim, Kawasan D-III, Titi Haji Idris (PPK MADA), pada 11 Julai 1999. Juga berdasarkan temubual dengan Encik Sobri bin Haji Ahmad, Pengurus Niagatani, PPK LPP Pendang Selatan (Sawa) pada 8 Julai 1999.

¹⁹ Temubual dengan Encik Abu Hassan, **Op. Cit.**

²⁰ Harga sebagaimana berdasarkan kepada perkiraan oleh Pejabat Zakat Negeri Kedah.

²¹ Temubual dengan Encik Hussain bin Haji Hanafiah, **Op. Cit.**

²² Dr. Wahbah al-Zuhayli (1989 M / 1409 H), **al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh**, Damsyek : Dār al-Fikr, Cet. 3, Juz. 3, hlm. 905.

²³ al-Syirāzi (1994M / 1414H), **Op. Cit.** hlm. 213. Lihat juga Ibn Qudāmah (1972M / 1392H), **al-Mughnī**, Beirut, Lubnan : Dār al-Fikr al-‘Arabi, Jil. 2, hlm. 728.

²⁴ Temubual dengan Encik Hussain bin Haji Hanafiah, **Op. Cit.**

²⁵ al-Syirāzi (1994M / 1414H), **Op. Cit.** hlm. 212.

²⁶ **Ibid.**

²⁷ Jawatankuasa Fatwa Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darulaman (t.t.), **Fatwa Kedah Darulaman**, Alor Setar, Kedah : Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darulaman, Fatwa No. 86, hlm. 26.

²⁸ **Ibid.**

²⁹ Temubual dengan Ustaz Awang bin Kamis, Pegawai Zakat Daerah Pendang, di Pejabat Zakat Daerah Pendang pada 1 September 1999, jam 2.30 petang.

³⁰ al-Syirāzi (1994M / 1414H), **Op. Cit.**, hlm. 227.

³¹ Temubual dengan Ustaz Awang bin Kamis, **Op. Cit.**

³² Peraturan-peraturan Zakat 1982 : Seksyen 4 (i) dan (d).

³³ Temubual dengan Ustaz Awang bin Kamis, **Op. Cit.**

³⁴ Dr. Abdul Aziz bin Muhammad (1993 M), **Zakat and Rural Development in Malaysia**, Kuala Lumpur, Malaysia : Berita Publishing, hlm. 144 - 145.

³⁵ **Ibid.**

³⁶ Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (1957), **Zakat : A Perspective On Its Origin And Place The Malay Society (sic)**, Singapura : Universiti Malaya, hlm. 11. (Rujuk Microfilm 814.3, Perpustakaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur). Lihat juga James C. Scott (1986), **Resistance Without Protest : Peasant Opposition To The Zakat In Malaysia And To The Tithe in France**, Townsville, Qld, Australia: Malaysia Society, Asian Studies Association of Australia, hlm. 425

³⁷ Aidit Ghazali (1989), "Fenomenon Pembayaran Zakat Melalui Saluran Tidak Rasmi – Satu Analisis Empirik", di dalam Dr. Mohd Ali Baharum (editor) (1989), **Zakat Ditinjau Dari Perspektif Sosial, Undang-undang Dan Taksiran**, Kuala Lumpur, Malaysia : Dewan Pustaka Islam, hlm. 10 - 20. Lihat juga Aidit Ghazali (1988), **Zakat - Satu Kajian**, Petaling Jaya, Selangor : IBS Buku Sdn. Bhd., hlm. 71 - 75.

³⁸ Aidit Ghazali (1988), **Ibid.**, hlm. 72 - 73.

³⁹ Temubual dengan Ustaz Awang bin Kamis, **Op. Cit.** Juga berdasarkan kepada temubual dengan Encik Abdul Hamid bin Jusuh, **Op. Cit.**

⁴⁰ Temubual dengan Ustaz Awang bin Kamis, **Op. Cit.**